



Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Dasar **KEBERSIHAN NEGARA**

Let's Do It Right





Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Dasar **KEBERSIHAN NEGARA**

Let's Do It Right



Perutusan PERDANA MENTERI MALAYSIA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Kebersihan merupakan tanggungjawab kita bersama. Jika rakyat mempunyai kesedaran ini sudah pasti seluruh masyarakat akan bersama di dalam usaha menjaga kebersihan. Jika amalan ini dapat kita laksanakan secara berterusan ia akan menjadi satu budaya di dalam kehidupan kita.

Di dalam memacu Wawasan Kemakmuran Bersama 2021-2030, pembangunan lestari yang mesra alam dan mengutamakan kebersihan terangkum sebagai salah satu komponen penting untuk dijayakan di dalam wawasan tersebut.

Kerajaan ini bertekad mahu menjadikan Negara ini sebuah negara maju di mana amalan kebersihan menjadi satu budaya atau cara hidup. Kita yakin rakyat rata-rata sedar bahawa selain memastikan kelestarian alam sekitar, amalan kebersihan memberi kita keselesaan hidup.

Negara yang bersih bukan sahaja mencerminkan imej Negara kita malahan menggambarkan identiti rakyatnya juga. Negara yang maju pasti bersih dan rakyatnya akan memperlihatkan kesungguhan menjaga kebersihan.

Isu berkaitan kebersihan di Negara ini bukanlah sesuatu yang remeh dan terpencil. Sebaliknya masyarakat kita masih lagi terkebelakang dari segi amalan kebersihan dan masih tidak boleh berdisiplin di dalam amalan kebersihan kecil seperti tidak membuang sampah merata-rata. Kita sering terbaca dan juga melihat sendiri bagaimana sampah di buang dari dalam kereta ke atas jalanraya. Dari masalah sekecil ini kita tidak dapat tangani maka beban menyelenggara bahan buangan dan sampah sarap meningkat dan terus meningkat.

Amat menghairankan apabila rakyat kita yang rata-rata mempunyai kesedaran agama yang tinggi seolah-olah tidak sedar bahawa menjaga kebersihan itu adalah tuntutan agama dan harus kita laksanakan sepertimana juga dengan amalan-amalan agama yang lain.

Saya amat berharap dengan kehadiran Dasar Kebersihan Negara ini, masyarakat Malaysia akan mempunyai kesedaran yang lebih tinggi mengenai amalan kebersihan dan seterusnya bertekad untuk menjadikan amalan ini budaya dan cara hidup masyarakat kita.

Terima kasih.



DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD





Perutusan

YB MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

Matlamat pembangunan sosioekonomi negara hanya akan tercapai sekiranya kesihatan rakyat terjamin, institusi keluarga kekal harmoni dan masyarakat hidup bersatu padu. Bagi mencapai visi ini, keutamaan kepada kebersihan dan penjagaan merupakan nilai penting yang tidak boleh dikesampingkan. Oleh yang demikian, sudah tiba masanya pihak Kerajaan menggubal satu dasar yang relevan dan komprehensif bagi menangani isu-isu berkaitan kebersihan. Berteraskan kepada lima (5) kluster utama, Dasar Kebersihan Negara ini dijangka dapat memberikan *outcome* positif dan berimpak tinggi. Dasar ini juga turut dilengkapi dengan pelan tindakan bagi memperincikan tindakan yang perlu diambil oleh Kementerian, Pihak Berkusa Negeri, Pihak Berkusa Tempatan dan agensi-agensi lain yang berkaitan.

Pelan tindakan yang dirancang juga memberi penekanan kepada penglibatan di peringkat komuniti, selaras dengan Dasar Komuniti Negara untuk mendayaupaya komuniti setempat. Kerjasama dengan Pihak Berkusa Tempatan juga diberi tumpuan dalam memastikan penguatkuasaan undang-undang yang cekap dan menyeluruh. Melalui penguatkuasaan yang berterusan dan konsisten, saya percaya amalan penjagaan kebersihan ini dapat diterapkan, manakala tahap kebersihan persekitaran dapat ditingkatkan oleh setiap anggota masyarakat. Komitmen terhadap amalan dan budaya kebersihan ini bukan sekadar dapat menyumbang kepada tahap kebersihan yang baik, bahkan juga mampu menjana kemakmuran ekonomi. Sebagai contoh, menerusi penggunaan sisa buangan (*waste disposal*) yang efisien, industri kitar semula mampu menjadi bidang yang berpotensi untuk diterokai sebagai sumber ekonomi baharu yang berupaya merangsang ekonomi kitaran (*circular economy*) dalam kalangan pemain industri.

Saya percaya Dasar Kebersihan Negara ini akan dapat dilaksanakan dengan jayanya menerusi kesedaran dan kerjasama erat antara anggota masyarakat, agensi Kerajaan, dan badan bukan Kerajaan, serta dimantapkan lagi dengan penglibatan pihak swasta bagi memartabatkan imej negara di persada global.

Terima kasih.

HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN



Prakata

KETUA SETIAUSAHA

KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

Menjaga kebersihan ialah tanggungjawab kita bersama dan bukanlah kewajipan pihak kerajaan semata-mata. Tanggungjawab ini memerlukan sokongan dan kerjasama daripada pelbagai lapisan masyarakat dalam memastikan kebersihan persekitaran dapat dipelihara. Justeru, isu dan cabaran yang dihadapi dalam menjadikan Malaysia sebagai negara bersih perlulah diberi perhatian serius oleh semua pihak.

Pertambahan populasi penduduk, peningkatan taraf sosioekonomi, kepesatan ekonomi dan perubahan gaya hidup yang semakin moden menyumbang kepada pencemaran dan persekitaran yang tidak bersih. Persekutuan yang tidak diuruskan dengan baik akan menyumbang kepada penularan penyakit berjangkit bawaan vektor yang mengganggu kesejahteraan hidup manusia.

Tadbir urus, penguatkuasaan dan pembangunan modal insan perlu diperkasa bagi menyokong usaha untuk mewujudkan sebuah negara bersih. Pihak Kementerian akan terus mempergiatkan aktiviti dan program kesedaran dalam kalangan masyarakat dengan memperkasakan kempen Pengasingan Sisa Pepejal di Punca, 3R (*Reduce, Reuse, Recycle*) dan aktiviti kitar semula pada peringkat komuniti dan institusi pendidikan. Selain itu, penggunaan teknologi yang berkesan, kos yang efektif dan mesra alam juga diharap dapat memastikan alam sekitar selamat dan bersih.

Objektif yang disasarkan di bawah Dasar Kebersihan Negara ini diharap dapat memberi impak yang positif dalam mewujudkan kesedaran serta membudayakan amalan menjaga kebersihan dalam kalangan masyarakat dan seterusnya memastikan kelestarian alam sekitar.

Terima kasih.



DATO' SRI HAJI MOHAMMAD BIN MENTEK



KANDUNGAN

▪ Perutusan Perdana Menteri	3
▪ Perutusan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan	5
▪ Prakata Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	7
▪ Pengenalan Dasar Kebersihan Negara	9
▪ Isu dan Cabaran	10
▪ Falsafah Dasar Kebersihan Negara	11
▪ Objektif Dasar Kebersihan Negara	12
▪ Kluster Dasar Kebersihan Negara	13
▪ Kluster 1: Kesedaran Terhadap Kebersihan	14
▪ Kluster 2: Kelestarian Alam Sekitar	18
▪ Kluster 3: Ekonomi Kitaran (<i>Circular Economy</i>)	23
▪ Kluster 4: Tadbir Urus dan Penguatkuasaan	29
▪ Kluster 5: Modal Insan yang Berkualiti dan Berkemahiran	34
▪ Sasaran Dasar Kebersihan Negara Tahun 2030	37
▪ Kaedah Pemantauan Pelaksanaan Dasar Kebersihan Negara	38
▪ Nukilan	39
▪ Singkatan Nama	40

PENGENALAN DASAR KEBERSIHAN NEGARA

Pada 21 Februari 2019, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengumumkan untuk mewujudkan Dasar Kebersihan Negara. Dasar ini merupakan inisiatif pihak Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara bersih dan mewujudkan masyarakat yang membudayakan amalan kebersihan bagi menjamin kesejahteraan hidup dan kelestarian alam sekitar. Kebersihan merupakan salah satu aspek penting untuk mencapai taraf negara maju.



ISU DAN CABARAN

Tanggungjawab menjaga kebersihan bukan hanya terletak pada Kerajaan, malah semua lapisan masyarakat perlu turut bersama-sama menjaga kebersihan terutamanya di kawasan kediaman dan persekitaran. Pada masa ini, terdapat pelbagai isu kebersihan seperti pembuangan sampah yang tidak terurus dan tabiat membuang sampah merata-rata. Sikap masyarakat yang tidak mementingkan penjagaan alam sekitar ini boleh menimbulkan impak negatif dalam mewujudkan persekitaran yang kondusif dan sejahtera.

Persekutuan yang tidak bersih akibat pembuangan sampah sarap boleh menyebabkan timbulnya pencemaran alam sekitar dan kacau ganggu kepada persekitaran. Selain itu, kawasan persekitaran yang tidak bersih juga menyebabkan kehadiran vektor seperti tikus, lalat dan nyamuk yang menjadi punca kepada penularan wabak penyakit. Penyakit bawaan vektor seperti demam dengan, malaria dan leptospirosis (kencing tikus) yang berpunca daripada persekitaran yang tidak bersih turut menjadikan kesihatan dan kesejahteraan rakyat Malaysia.

01

Sikap masyarakat yang tidak menjaga kebersihan

02

Persekutuan yang tidak bersih

03

Penularan penyakit berjangkit dan penyakit bawaan vektor

04

Pencemaran alam sekitar

FALSAFAH DASAR KEBERSIHAN NEGARA



FALSAFAH DASAR KEBERSIHAN NEGARA

Mewujudkan sebuah negara yang bersih, mampu dan sejahtera melalui pembudayaan amalan kebersihan diri, keluarga, komuniti dan masyarakat dalam usaha melestarikan alam sekitar.

OBJKTIF DASAR KEBERSIHAN NEGARA



- 01** Meningkatkan kesedaran dan membudayakan amalan kebersihan dalam kalangan masyarakat
- 02** Meningkatkan kebersihan persekitaran dan kelestarian alam sekitar
- 03** Menggalakkan inisiatif sisa sebagai sumber pendapatan (*waste to money*) ke arah ekonomi kitaran (*circular economy*)
- 04** Memperkasakan tadbir urus dan penguatkuasaan agar lebih cekap, berkesan dan berintegriti



KLUSTER DASAR KEBERSIHAN NEGARA

Pelaksanaan Dasar Kebersihan Negara ini memberi fokus kepada lima (5) kluster. Sebanyak 14 strategi dan 91 pelan tindakan telah dirangka untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan dalam Dasar Kebersihan Negara.

01

Kesedaran Terhadap Kebersihan

02

Kelestarian Alam Sekitar

03

Ekonomi Kitaran (*Circular Economy*)

04

Tadbir Urus dan Penguatkuasaan

05

Modal Insan yang Berkualiti dan Berkemahiran

Tempoh Pelaksanaan : 2020-2030

Kajian Separuh Penggal : 2025

KLUSTER 1**KESEDARAN TERHADAP KEBERSIHAN**

Masyarakat memainkan peranan penting dalam melaksanakan tanggungjawab menjaga kebersihan persekitaran. Penjagaan kebersihan alam sekitar bukan hanya terletak pada pihak Kerajaan sahaja, tetapi memerlukan kerjasama dan komitmen seluruh masyarakat. Dalam hubungan ini, Kluster 1 memfokuskan kepada usaha untuk mewujudkan kesedaran masyarakat mengenai kebersihan. Usaha ini perlu dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan amalan menjaga kebersihan dapat diterap dalam diri setiap individu dan menjadi satu budaya dalam kalangan masyarakat. Amalan menjaga kebersihan perlu dipupuk sejak awal bermula dari rumah dan sekolah bagi melahirkan generasi yang peka kebersihan. Justeru, tiga (3) strategi diletakkan di bawah kluster ini, iaitu:

STRATEGI 1.1 Meningkatkan Pembudayaan Kebersihan

STRATEGI 1.2 Menggalakkan Penerapan Amalan Kebersihan di Kawasan Kediaman, Persekutuan Kerja, Institusi Pendidikan dan Tempat Awam

STRATEGI 1.3 Meningkatkan Jalinan Kerjasama dengan Agensi Kerajaan, NGO dan Pihak Swasta.



STRATEGI 1.1

MENINGKATKAN PEMBUDAYAAN KEBERSIHAN

PELAN TINDAKAN

1.1.1	Meningkatkan pengetahuan, sikap dan amalan dalam mengekalkan tahap kesihatan yang baik.
1.1.2	Meningkatkan kesedaran dan pembudayaan kebersihan diri, keluarga, komuniti dan persekitaran.
1.1.3	Membudayakan amalan membuang sampah dengan cara yang betul melalui Kempen Buang Sampah dalam Tong Sampah.
1.1.4	Meningkatkan kesedaran dan tanggungjawab masyarakat dalam menjaga kebersihan tandas.
1.1.5	Meningkatkan kebertanggungjawaban terhadap kebersihan dalam kalangan penjaja, peniaga dan pengusaha makanan.
1.1.6	Menggalakkan masyarakat untuk mengurangkan penggunaan beg plastik.
1.1.7	Meningkatkan kesedaran masyarakat untuk bertanggungjawab dalam menguruskan sisa minyak dan gris di kediaman dan premis makanan.
1.1.8	Menggalakkan penglibatan komuniti dalam inisiatif Komuniti Sifar Sisa.
1.1.9	Melantik duta kebersihan di peringkat institusi pendidikan dan komuniti.
1.1.10	Meningkatkan kerjasama agensi kerajaan dan NGO dalam program bersama komuniti.
1.1.11	Memperkasakan aktiviti kebersihan dalam mewujudkan komuniti bersih.
1.1.12	Meningkatkan kesedaran masyarakat dalam menjaga kebersihan bagi mencegah penyakit berjangkit.
1.1.13	Mendidik dan mendisiplinkan masyarakat untuk mengutip sampah bagi mewujudkan persekitaran yang bersih.



STRATEGI 1.2**MENGALAKKAN PENERAPAN AMALAN KEBERSIHAN DI KAWASAN KEDIAMAN,
PERSEKITARAN KERJA, INSTITUSI PENDIDIKAN DAN TEMPAT AWAM****PELAN TINDAKAN**

1.2.1	Memupuk sikap menjaga kebersihan diri dan kawasan kediaman.
1.2.2	Mengukuhkan modul pendidikan dan kurikulum berkaitan pembudayaan kebersihan, amalan 3R dan penjagaan alam sekitar.
1.2.3	Melaksanakan promosi dan program kesedaran kebersihan dan amalan 3R di institusi pendidikan.
1.2.4	Menerapkan budaya menjaga kebersihan dalam mewujudkan ruang pejabat dan persekitaran kerja yang bersih dan kondusif.
1.2.5	Meningkatkan rasa tanggungjawab dalam kalangan masyarakat untuk menjaga kebersihan di tempat awam.
1.2.6	Meningkatkan promosi dan hebahan melalui pelbagai saluran media secara berterusan.
1.2.7	Meningkatkan keberkesanannya kempen dan program kesedaran berkaitan kebersihan.
1.2.8	Menjadikan kerja khidmat sosial sebagai tindakan kepada individu yang mencemarkan persekitaran.



STRATEGI 1.3**MENINGKATKAN JALINAN KERJASAMA DENGAN AGENSI KERAJAAN, NGO DAN PIHAK SWASTA****PELAN TINDAKAN**

- | | |
|-------|--|
| 1.3.1 | Mewujudkan platform kerjasama pelbagai agensi kerajaan, NGO dan pihak swasta dengan melibatkan pihak awam untuk memperkasakan program dan kempen berkaitan kebersihan. |
| 1.3.2 | Meningkatkan tanggungjawab sosial korporat (CSR) dalam aktiviti kebersihan persekitaran oleh pihak swasta. |



KLUSTER 2**KELESTARIAN ALAM SEKITAR**

Kluster ini memberi penekanan kepada keperluan dan tindakan untuk menjaga kelestarian alam sekitar seiring dengan kepesatan pembangunan negara. Penjagaan kebersihan merangkumi kebersihan diri, kediaman, kawasan persekitaran terutamanya premis makanan, komersial, industri dan institusi serta tempat awam. Semua individu bertanggungjawab dalam usaha untuk memelihara alam sekitar supaya dapat dinikmati oleh generasi yang akan datang. Justeru, tiga (3) strategi diletakkan di bawah kluster ini, iaitu:

STRATEGI 2.1 Meningkatkan Kualiti Kebersihan ke Tahap yang Optimum

STRATEGI 2.2 Mewujudkan Persekitaran yang Bersih dan Selesa

STRATEGI 2.3 Menambah baik Mekanisme Pengurusan Sisa Pepejal



STRATEGI 2.1

MENINGKATKAN KUALITI KEBERSIHAN KE TAHAP YANG OPTIMUM

PELAN TINDAKAN

2.1.1	Mengenakan tindakan tegas terhadap individu atau institusi yang melakukan kesalahan dan menyebabkan pencemaran.
2.1.2	Meningkatkan kualiti perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam di seluruh negara.
2.1.3	Memastikan tandas awam bersih, kondusif dan diselenggara dengan baik.
2.1.4	Menggalakkan kajian, penyelidikan dan inovasi bagi meningkatkan produktiviti, kualiti dan kecekapan pengurusan sisa pepejal.
2.1.5	Melaksanakan pengawalseliaan, pemantauan dan pengurusan sisa minyak dan gris di premis makanan, termasuk di premis komersial.
2.1.6	Memastikan longkang, parit dan saliran tidak tersumbat dan diselenggara dengan baik.



STRATEGI 2.2**MEWUJUDKAN PERSEKITARAN YANG BERSIH DAN SELESA****PELAN TINDAKAN**

2.2.1	Menjadikan kebersihan sebagai satu kriteria penilaian sistem penarafan bintang PBT.
2.2.2	Mewujudkan pengiktirafan Bandar Bersih.
2.2.3	Merancang dan membangunkan kemudahan serta rawatan sisa pepejal secara efisyen, bersepadu dan seiring dengan perkembangan teknologi.
2.2.4	Menyediakan kemudahan pengurusan sisa pepejal mengikut kesesuaian jenis kediaman atau bangunan.
2.2.5	Memastikan kawasan persekitaran di kediaman, kawasan perindustrian, komersial, institusi, tapak bina dan tempat awam bersih, indah dan diselenggara dengan baik.
2.2.6	Memastikan pembangunan negara diimbangi dengan persekitaran bersih, indah, hijau dan terurus.
2.2.7	Memelihara dan memulihara sumber semula jadi, landskap yang beridentiti dan menggunakan teknologi mesra alam.




STRATEGI 2.3**MENAMBAH BAIK MEKANISME PENGURUSAN SISA PEPEJAL****PELAN TINDAKAN**

2.3.1	Menggalakkan pihak industri, komersial dan institusi untuk mewujudkan Peraturan Kebersihan Persekutuan Kerja di peringkat organisasi.
2.3.2	Mengukuhkan pelaksanaan pengasingan sisa di kawasan kediaman, perindustrian, komersial dan institusi dan memperkenalkan Kempen 3 Tong.
2.3.3	Menetapkan syarat pematuhan pengurusan sisa binaan yang lebih komprehensif.
2.3.4	Memastikan keperluan infrastruktur pengurusan sisa pepejal diambil kira dalam pembangunan projek pembinaan.
2.3.5	Meningkatkan kerjasama agensi kerajaan dan NGO bagi mengurangkan penjanaan sisa makanan.
2.3.6	Menambah baik pengurusan dan prosedur pengimportan sisa plastik.
2.3.7	Memperkasa pemantauan dan penguatkuasaan bagi pengimportan pelbagai sisa pepejal seperti sisa plastik dan lain-lain.



CARTA ALIR PENGURUSAN SISA PEPEJAL DI MALAYSIA



KLUSTER 3**EKONOMI KITARAN (*CIRCULAR ECONOMY*)**

Selaras dengan aspirasi negara untuk menjadikan Malaysia sebagai negara bersih, pembangunan ekonomi negara perlu seiring dengan kelestarian alam sekitar. Transformasi daripada ekonomi linear kepada ekonomi kitaran (*circular economy*) yang berteraskan kepada prinsip mengurangkan, mengguna semula dan mengitar semula perlu diperluas kepada semua sektor industri ke arah meminimumkan penjanaan sisa pepejal di sumber dan memaksimumkan penggunaan sumber, seterusnya mengurangkan pelepasan karbon dioksida kepada alam sekitar. Adaptasi ekonomi kitaran dalam sektor industri boleh menggalakkan ekonomi hijau, iaitu guna semula untuk mengurangkan sisa yang dijana. Terdapat empat (4) strategi di bawah kluster ini, iaitu:

STRATEGI 3.1 Menggalakkan Amalan 3R (*Reduce, Reuse, Recycle*) dan Pengasingan Sisa

STRATEGI 3.2 Menjana Pendapatan daripada Sisa (*Waste To Money*)

STRATEGI 3.3 Menggalakkan Penggiat Industri untuk Melaksanakan Ekonomi Kitaran (*Circular Economy*)

STRATEGI 3.4 Melaksanakan *Extended Producer Responsibility* (EPR) untuk Menggalakkan Kitar Semula



STRATEGI 3.1**MENGGALAKKAN AMALAN 3R (*REDUCE, REUSE, RECYCLE*) DAN PENGASINGAN SISA****PELAN TINDAKAN**

- | | |
|-------|---|
| 3.1.1 | Menyediakan tempat pengumpulan barang kitar semula dan sisa makanan di kawasan perumahan, perindustrian, komersial dan institusi. |
| 3.1.2 | Menggalakkan kemudahan kitar semula dibina berdekatan kawasan perumahan, perindustrian, komersial dan institusi. |

STRATEGI 3.2**MENJANA PENDAPATAN DARIPADA SISA (*WASTE TO MONEY*)****PELAN TINDAKAN**

- | | |
|-------|--|
| 3.2.1 | Menggalakkan penghasilan produk daripada sisa yang dikitar semula sebagai bahan mentah. |
| 3.2.2 | Menggalakkan penghasilan produk baharu daripada bahan kitar semula (<i>upcycling</i>). |
| 3.2.3 | Menggalakkan kitar semula sisa binaan dalam pelaksanaan projek pembinaan. |
| 3.2.4 | Menggalakkan amalan kitar semula melalui kaedah pemberian ganjaran atau insentif. |
| 3.2.5 | Menggalakkan penggunaan teknologi terkini bagi memproses atau merawat sisa organik seperti <i>Anaerobic Digester</i> (AD). |
| 3.2.6 | Menggalakkan penggunaan barang kitar semula dalam projek perolehan kerajaan. |
| 3.2.7 | Membangunkan kemudahan <i>Waste to Energy</i> (WtE), kemudahan rawatan sisa binaan dan kemudahan rawatan sisa makanan. |

STRATEGI 3.3**MENGALAKKAN PENGGIAT INDUSTRI UNTUK MELAKSANAKAN EKONOMI KITARAN (*CIRCULAR ECONOMY*)****PELAN TINDAKAN**


3.3.1	Mewujudkan kerjasama industri dalam kalangan penggiat industri melalui konsep ekonomi kitaran (<i>circular economy</i>).
3.3.2	Memberikan insentif kepada penggiat industri yang melaksanakan ekonomi kitaran (<i>circular economy</i>).
3.3.3	Mewujudkan peraturan pembungkusan makanan (<i>food packaging</i>) dan menggalakkan penggunaan bahan kitar semula.
3.3.4	Menyediakan platform untuk mengembangkan potensi penggunaan produk menggunakan teknologi berkaitan.
3.3.5	Menyediakan geran untuk menggalakkan aktiviti penyelidikan, inovasi dan pengkomersialan.
3.3.6	Menggalakkan penglibatan industri dalam aktiviti memproses sisa sekerap logam, sisa tayar, sisa lampin pakai buang dan sisa pertanian.
3.3.7	Menggalakkan pembangunan <i>waste park</i> secara berpusat.
3.3.8	Menyediakan platform kerjasama strategik pihak kerajaan bersama pihak industri.
3.3.9	Menggalakkan penglibatan industri dalam program inisiatif korporat 3R.
3.3.10	Mengadakan kerjasama dengan pihak industri untuk mengadakan kempen secara tahunan.

STRATEGI 3.4**MELAKSANAKAN *EXTENDED PRODUCER RESPONSIBILITY (EPR)* UNTUK MENGGALAKKAN KITAR SEMULA****PELAN TINDAKAN**

3.4.1	Menggalakkan penglibatan industri untuk melaksanakan EPR melalui pembangunan Pelan Pelaksanaan EPR.
3.4.2	Mewujudkan EPR Roadmap sebagai panduan dan rujukan kepada pihak berkepentingan.
3.4.3	Memperkenal <i>Reverse Vending Machine (RVM)</i> untuk menggalakkan aktiviti kitar semula.
3.4.4	Mewujudkan platform dan sesi libat urus pihak kerajaan bersama pihak industri, NGO dan institusi pendidikan.



PERBANDINGAN EKONOMI LINEAR BERBANDING EKONOMI KITARAN





KLUSTER 4**TADBIR URUS DAN PENGUATKUASAAN**

Kluster ini memberi fokus kepada mewujudkan sistem penyampaian dan tadbir urus yang berintegriti, cekap dan berkesan. Kerjasama dan penyesuaian di antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan agensi berkaitan adalah penting dalam usaha mengukuhkan tadbir urus. Tadbir urus dan penguatkuasaan yang cekap adalah perlu bagi memastikan aspek kebersihan berada pada tahap terbaik di samping peningkatan kesedaran masyarakat. Terdapat dua (2) strategi di bawah kluster ini iaitu:

STRATEGI 4.1 Menambah baik Sistem Penyampaian dan Keberkesanan Tadbir Urus

STRATEGI 4.2 Meningkatkan Penguatkuasaan dan Pemantauan yang lebih Efisyen



STRATEGI 4.1**MENAMBAH BAIK SISTEM PENYAMPAIAN DAN KEBERKESANAN TADBIR URUS****PELAN TINDAKAN**

4.1.1	Membangunkan piawaian kebersihan bagi mengukur keberkesanan dan kecekapan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di PBT.
4.1.2	Memperluas skop perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam.
4.1.3	Meningkatkan keberkesanan pengurusan aduan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam.
4.1.4	Mengukuhkan kerjasama dan libat urus antara Kerajaan Persekutuan dengan Pihak Berkuasa Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan.
4.1.5	Mengukuhkan penyelarasan dan kerjasama antara agensi bergantung kepada bidang kuasa masing-masing.
4.1.6	Menggunakan teknologi yang berkesan, terbukti, kos efektif dan mesra alam.
4.1.7	Mewujudkan sistem pangkalan data sisa pepejal yang bersepadan untuk kegunaan pihak berkepentingan.
4.1.8	Mewujudkan kerjasama dan jaringan perkongsian maklumat antara sektor awam, swasta dan NGO.
4.1.9	Memperkuuh dan memperluas hubungan antarabangsa dengan negara luar melalui perkongsian strategik dalam bidang pengurusan sisa pepejal dan pembersihan.

STRATEGI 4.2

MENINGKATKAN PENGUATKUASAAN DAN PEMANTAUAN YANG LEBIH EFISYEN

PELAN TINDAKAN

4.2.1	Memperkasakan penguatkuasaan dengan menambah baik akta, peraturan, garis panduan dan <i>standard operating procedure</i> (SOP) sedia ada agar lebih jelas, menyeluruh dan berkesan.
4.2.2	Meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan dengan mengkaji semula kadar denda dan hukuman.
4.2.3	Meningkatkan kecekapan penguatkuasaan dengan memastikan bilangan pegawai penguatkuasa di tahap yang optimum.
4.2.4	Memperluas penguatkuasaan secara bersepadau yang melibatkan pelbagai agensi berkaitan seperti badan beruniform, organisasi dan komuniti.
4.2.5	Mengukuhkan pemantauan dengan meluaskan skop Sistem C4i (<i>Command, Control, Communication and Computer Integration</i>) dan penggunaan kamera litar tertutup.
4.2.6	Menggalakkan penglibatan masyarakat untuk bersama-sama membuat pemantauan melalui Kempen Berani Tegur.
4.2.7	Mewujudkan kaedah pematuhan kendiri (<i>self regulation</i>) di peringkat organisasi dan komuniti.
4.2.8	Menambah baik pengurusan aduan dan masa bertindak (<i>response time</i>) dengan menggunakan sistem iTegur, aplikasi mudah alih dan talian utama (<i>hotline</i>).



PENGUATKUASAAN PENGASINGAN SISA PEPEJAL DI PUNCA BAGI TEMPOH 1 JUN 2016 SEHINGGA 31 DISEMBER 2019

BIL	NEGERI	BIL. TAMAN TERLIBAT	BIL. PREMIS DIPERIKSA	BIL. NPK DIKELUARKAN
1	PERLIS	467	22,976	37
2	KEDAH	576	111,958	56
3	K. LUMPUR	154	105,458	32
4	PUTRAJAYA	27	7,871	7
5	PAHANG	501	101,831	215
6	N. SEMBILAN	278	84,543	62
7	MELAKA	186	41,979	29
8	JOHOR	1,312	155,793	120
JUMLAH		3,501	632,409	558


Nota:

NPK - Notis Pemberitahuan Kesalahan



**Pemeriksaan
632,409
Premis Pengasingan
Sisa Pepejal Di Punca**

*Jun 2016 - Disember 2019





OPS SAMPAH HARAM

SWCorp memperkasakan tindakan penguatkuasaan bagi mendidik masyarakat untuk bersama-sama bertanggungjawab ke atas aspek kebersihan persekitaran.



PEMBASMIAN
2,335
LOKASI SAMPAH HARAM

**Bagi tempoh 2014 sehingga Disember 2019.*

SWCorp telah menyelesaikan masalah sampah haram menerusi serbuan dan tangkapan yang telah dijalankan ke atas lokasi-lokasi "hot spot" yang sering menjadi tumpuan pihak yang tidak bertanggungjawab membuang sisa pepejal di lokasi yang tidak dibenarkan.

KLUSTER 5**MODAL INSAN YANG BERKUALITI DAN BERKEMAHIRAN**

Pembangunan modal insan merupakan asas utama dalam mengekalkan kesinambungan pertumbuhan ekonomi negara. Ketersediaan tenaga kerja yang berpengetahuan dan berkemahiran adalah perlu untuk menyokong usaha Kerajaan dalam menambah baik perkhidmatan pembersihan di Malaysia. Peningkatan imej pekerja dalam sektor pembersihan serta pembudayaan etika kerja yang baik akan mampu melahirkan pekerja yang berkualiti dan berkemahiran. Terdapat dua (2) strategi di bawah kluster ini, iaitu:

STRATEGI 5.1 Memperkasakan Keupayaan Modal Insan

STRATEGI 5.2 Memperkuuh Pembelajaran Sepanjang Hayat



STRATEGI 5.1**MEMPERKASAKAN KEUPAYAAN MODAL INSAN****PELAN TINDAKAN**

5.1.1	Mewujudkan Pusat Kecemerlangan (<i>Center of Excellence – CoE</i>) pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam.
5.1.2	Meningkatkan profesionalisme dan kompetensi pekerja dalam bidang pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam.
5.1.3	Mempertingkat persepsi dan imej pekerja pembersihan melalui ketrampilan berpakaian dan berkemahiran melaksanakan tugas.
5.1.4	Menjalinkan kerjasama strategik dalam pembangunan modal insan dengan institusi pendidikan serta agensi berkepentingan dari dalam dan luar negara.
5.1.5	Mewujudkan kod etika kerja ke arah meningkatkan prestasi kerja dan profesionalisme.



STRATEGI 5.2**MEMPERKUKUH PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT****PELAN TINDAKAN**

5.2.1	Menambah baik produktiviti dan kualiti pekerja melalui latihan berterusan untuk melahirkan pekerja berkemahiran tinggi.
5.2.2	Membangunkan modul pensijilan kemahiran pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam.
5.2.3	Menggalakkan pekerja mengikuti kursus peningkatan kemahiran dan pengetahuan seperti program pensijilan kemahiran.



SASARAN DASAR KEBERSIHAN NEGARA TAHUN 2030

Pelaksaaan Dasar Kebersihan Negara adalah bermula pada tahun 2020 sehingga tahun 2030 dengan semakan semula pada tahun 2025. Dasar Kebersihan Negara ini adalah satu inisiatif Kerajaan untuk mencapai sasaran berikut:

01	Perubahan minda dan sikap masyarakat tentang aspek penjagaan kebersihan diri, keluarga, komuniti dan alam sekitar
02	Peningkatan kesedaran dan tanggungjawab dalam aspek kebersihan di setiap lapisan masyarakat melalui promosi dan publisiti berterusan
03	Peningkatan tahap kebersihan negara
04	Pengurangan pencemaran alam sekitar
05	Pengurangan sisa dihantar ke tapak pelupusan dan peningkatan kadar kitar semula
06	Penurunan kes penyakit bawaan vektor
07	Peningkatan kualiti dan kemahiran pekerja dalam sektor pembersihan
08	Peningkatan penglibatan aktif komuniti, NGO dan pihak swasta dalam program-program dan inisiatif yang dilaksanakan
09	Pengukuhan tadbir urus dan penguatkuasaan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam
10	Pengurangan pembiayaan Kerajaan bagi pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam.

KAEDAH PEMANTAUAN PELAKSANAAN DASAR KEBERSIHAN NEGARA



NUKILAN SAMPAH

Sampah adalah sisa kehidupan yang tidak diperlukan untuk dibuang kerana kotor, jijik, busuk dan tidak bernilai lagi.

Sampah adalah lebihan pepejal dari apa yang telah digunakan untuk dinyahkan kerana sukar dimanfaatkan dalam kehidupan seharian, atau proses industri.

Sampah adalah lambang kemakmuran sesebuah masyarakat yang mampu membeli, membeli dan membeli lagi, kemudian lebihannya perlu dibuang kerana masih ada banyak pilihan lagi mengikut apa sahaja keinginan dan kata hati.

Sampah juga adalah manifestasi kejelikan minda dan ekosistem yang terpaksa dilupuskan dalam tapak pelupusan, insinerator atau dibiarkan saja bersepahan di kaki jalan, atau terapung di muara sungai.

Sampah juga adalah lambang kerakusan menurut desakan nafsu dan konsumerisme yang melampau sehingga alpa bahawa tidak semua lebihan perlu disampahkan, masih ada nilai bagi buangan kepada mereka yang memerlukan, perlu diguna semula kerana masih boleh digunakan, masih berguna dalam kegunaan konteks lain, perlu diberi nilai dan citra baru, boleh diagih atau dijual dalam ekosistem sirkular, malah boleh dijadikan bahan bakar menjana tenaga lestari.

Sampah sebetulnya adalah sisa, lebihan, buangan dan bahan yang sering disalah erti. Sampah boleh menjana kekayaan baru dan kehidupan lestari. Sampah adalah nilai yang terbuang tetapi masih ternilai, dan sesetengahnya tidak ternilai harganya bagi penilai yang mampu menilai.

*YBhg. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang
Buku Kumpulan Puisi Lestari
Keilmuan Kelestarian Kekudusan*

SINGKATAN NAMA

DKN : Dasar Kebersihan Negara

PBT : Pihak Berkuasa Tempatan

PBN : Pihak Berkuasa Negeri

NGO : Badan Bukan Kerajaan

3R : Reduce, Reuse, Recycle

EPR : Extended Producer Responsibility (EPR)

RVM : Reverse Vending Machine

SOP : Standard Operating Procedure

C4i : Command, Control, Communication and Computer Integration

CoE : Centre of Excellence

AD : Anaerobic Digestor

WtE : Waste to Energy



Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Ministry of Housing and Local Government

No. 51, Persiaran Perdana Presint 4, 62100 Putrajaya, Malaysia